




**TIP – TIP
APABILA
MENZIARAH
ORANG SAKIT
DAN
KEMATIAN**



PENGARANG : IMAM NAWAWI

PENERBIT : PTS ISLAMIKA

TEMPAT TERBIT : BATU CAVES, SELANGOR

TAHUN TERBIT : 2006

ISBN : 9789831920428

HARGA : RM5.90

BILANGAN MUKA SURAT : 57

5 TIP ZIARAH ORANG SAKIT

1. MAKLUMKAN DAN MEMINTA IZIN UNTUK DATANG MELAWAT PESAKIT.

Perkara pertama yang perlu kita lakukan sebelum menziarahi pesakit ialah untuk memaklumkan kepada pesakit dan penjaganya untuk datang melawat dan meminta izin kepadanya.

2. PILIH WAKTU MELAWAT YANG SESUAI

Ini juga adalah tip yang tak kurang pentingnya. Pilih waktu yang sesuai agar tidak mengganggu pesakit yang memerlukan rehat yang secukupnya. Elakkan menziarahi di awal pagi atau lewat malam dimana kebiasannya waktu tersebut orang tidak bersedia menerima pelawat.

3. BAWA BUAH TANGAN TANDA INGATAN

Sudah menjadi kebiasaan orang kita untuk membawa buah tangan sebagai tanda ingatan semasa menziarahi orang sakit untuk menghiburkan hatinya yang sedang sakit.

4. JAGA PERTUTURAN

Semasa melawat jangan sesekali berbicara tentang perkara yang boleh menguris hati pesakit. Berbicaralah tentang perkara yang baik dan manis yang boleh membuatkan pesakit tersenyum.

5. DOA YANG BAIK-BAIK UNTUK PESAKIT

Akhir sekali, jangan lupa untuk mendoakan yang baik-baik untuk pesakit semoga kesakitan yang dialami akan Mengangkat darjatnya di sisi Allah.

6 TIP ZIARAH KEMATIAN/JENAZAH

1. MEMBERI UCAPAN TAKZIAH

Salah satu adab yang dianjurkan ketika menziarahi kematian dan ahli keluarga si mati adalah dengan memberi ucapan Takziah kepada ahli keluarga tersebut.

2. MENGHADIRI SOLAT JENAZAH

Selain itu menziarahi kematian adalah dengan kita sama – sama melakukan solat jenazah untuk si mati. Apatah lagi Mereka yang mempunyai hubungan rapat seperti kawan si mati.

“Rasulullah bersabda: “Sesiapa yang menghadiri kematian sehingga dilaksanakan solat jenazah akan mendapat ganjaran satu Qirat. Dan sesiapa yang menghadiri sehingga mayat itu dikebumikan akan mendapat ganjaran dua Qirat.”

“Ditanya kepada Nabi: “Apakah dua Qirat itu, wahai Rasulullah?”

“Nabi menjawab: “Seperti dua gunung yang besar”.

3. TIDAK CAKAP KEBURUKAN JENAZAH

Kita dilarang untuk menceritakan atau berkata tentang keburukan si mati ketika dia hidup. Ini akan menyebabkan ahli Keluarga bertambah sedih dan tertekan dengan kata – kata tersebut.

4. MEMBERI MAKANAN KEPADA KELUARGA SI MATI

Sunnah yang ditinggalkan oleh baginda SWA adalah sunat bagi jiran dan kaum kerabat yang berdekatan untuk menyediakan makanan untuk ahli keluarga yang ditinggalkan oleh si mati.

5. MENGIRINGI JENAZAH KE TANAH PERKUBURAN

Kita juga diminta untuk mengiringi jenazah ke tanah perkuburan kerana ia merupakan salah satu hak seorang muslim ke atas muslim yang lain. Maka wajib untuk kita tunaikan perkara tersebut jika tiada aral melintang.

6. MENDOAKAN KEAMPUNAN BUAT JENAZAH

Selain dari itu, kita juga boleh mendoakan keampunan buat jenazah.

PENGAJARAN

Jika hari ini Allah beri rasa sakit bersabarlah, kerana dengannya Allah gugurkan sebahagian dosa.

Setiap manusia pernah mengalami kesakitan. Setiap insan pasti menghadapi saat kematian. Pastinya sebelum terlantar kesakitan, terbaring nazak menunggu saat kematian. Sentiasalah mengingati kematian, mati itu pasti.

SEKIAN, TERIMA KASIH

